

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KESERAGAMAN (STANDARD) EKSA  
JABATAN TENAGA MANUSIA**

---

Bil. Mesyuarat : 2 Tahun 2023

Tarikh : 27 September 2023 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat KP JTM

---

**Hadir**

1. Hjh. Noor Lisa Rahmat - Pengerusi
2. Tn. Hj. A. Rahmad bin Ngah - Setiausaha
3. Ts. Dr. Nora binti Osman - Ahli
4. Pn. Noor Hayati binti Halimi - Ahli
5. En. Mohd Norisham Fadhly bin Mat Ariffen - Ahli

## I. PERUTUSAN Pengerusi

### 1. Kata-kata Aluan

1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA bilangan dua (2) tahun 2023.

**Tindakan: Makluman**

1.2 Pengerusi memaklumkan terdapat beberapa standard yang perlu ditambah seperti dalam maklum balas mesyuarat jawatankuasa induk EKSA iaitu:

- (i) Carta Organisasi setiap bahagian
- (ii) Label Almari Besi
- (iii) Label Pigeon Hole
- (iv) Label Kotak
- (v) Label Laci Besi Bertingkat
- (vi) Susunan kedudukan komputer di ruang kerja pegawai; dan
- (vii) *Standard / Safe Operation Procedure (SOP)*

**Tindakan: Makluman**

1.3 Pengerusi juga memaklumkan bahawa En. Muhammad Farhan bin Hamid telah meletakkan jawatan dalam perkhidmatan di JTM. Sehubungan dengan itu, En. A.Rahmad Ngah dicadangkan dilantik sebagai setiausaha jawatankuasa standard EKSA JTM, manakala Cik Siti Nur Filzatunnafsi Faizah bt Zulkifli sebagai ahli Jawatankuasa. Perkara ini perlu dimaklumkan kepada urus setia Induk bagi tujuan lantikan.

**Tindakan: Pengerusi**

## II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA Bilangan 1 Tahun 2023 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

Dicadangkan pengesahan : En. Mohd Norisham Fadhly bin Mat Ariffen

Disokong Pengesahan : Pn. Noor Hayati binti Halimi

**Tindakan: Makluman**

### **III. PERBINCANGAN MESYUARAT**

#### **2. Carta organisasi setiap zon**

2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan lawatan pemantauan TKP JTM dan cadangan mewujudkan struktur carta bahagian setiap zon.

2.2 Mesyuarat telah membincangkan keseragaman carta organisasi standard, dan mencadangkan ia dikeluarkan sebelum pelaksanaan audit yang dijadualkan sebelum 6 Oktober 2023.

**Tindakan: Setiausaha & Pengerusi**

#### **3. Label rak**

Mesyuarat telah membincangkan standard pelabelan rak selain di bilik fail selepas melihat bilik / ruang di tingkat enam dan tingkat lapan yang dijangka digunakan yang merangkumi:

- i. *Pigeon hole*
- ii. Almari besi
- iii. Rak besi
- iv. Kotak

**Tindakan: Setiausaha & Pengerusi**

#### **4. Kedudukan komputer di ruang kerja pegawai**

Mesyuarat mengambil maklum perkara tersebut, jawatankuasa juga membuat sampel pemeriksaan di setiap zon untuk melihat perkara tersebut dan memutuskan seperti berikut:-

(i) **untuk CPU bersaiz besar:**

(a) bagi ruang meja yang ada tempat letak khas CPU (di bawah meja), gunakan ruang tersebut untuk meletak CPU;

(b) bagi ruang meja yang tidak mempunyai ada tempat letak khas CPU (di bawah meja), CPU diletakkan di bahagian bawah meja untuk memberi keselesaan / ruang yang lebih luas untuk pegawai melakukan kerja.

(ii) **untuk CPU bersaiz kecil (baharu)**

(a) bagi ruang meja yang ada ada tempat letak khas CPU (di bawah meja), ruang tersebut boleh digunakan untuk meletak CPU; atau

(b) CPU diletakkan di atas meja (di bawah monitor)

**Tindakan: Setiausaha & Pengerusi**

**5. *Standard / Safe Operation Procedure (SOP)***

Mesyuarat pada dasarnya pada peringkat awal bersetuju dan mengekalkan keputusan yang dibuat pada penetapan terdahulu iaitu mengguna pakai SOP yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Format tersebut telah difungsikan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan.

**Tindakan: En. Norisham**

**IV. HAL-HAL LAIN**

Pengerusi memohon agar semua AJK Standard EKSA **memberi panduan kepada ahli zon masing-masing** berkaitan **pelaksanaan Standard EKSA JTM**

**Tindakan: Semua AJK**

## V. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat.  
Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh:

**A. Rahmad bin Ngah**

Setiausaha

Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA JTM

Disahkan oleh:

**Hjh. Noor Lisa Rahmat**

Pengerusi

Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA JTM